



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	20 AUGUST 2016

PM yakin Chong Wei menang emas

20/08/2016 BH

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yakin Datuk Lee Chong Wei pada landasan tepat memenangi pingat emas Sukan Olimpik Rio selepas menewaskan juara bertahan, Lin Dan, malam tadi.

“Ia perlawanan mendebarkan sehingga ke mata kemenangan. Tahniah Chong Wei kerana mencipta sejarah menewaskan Lin Dan.

Mampu cipta sejarah

“Selepas ini, saya akan bergegas pulang untuk menyaksikan penentuan pingat emas acara beregu lelaki antara pemain negara, Goh V Shem-Tan Wee Kiong yang memen-

tang pemain China, Fu Haifeng-Zhang Nan.

“Saya yakin pasangan ini akan mencipta sejarah memenangi emas,” katanya ketika berucap pada majlis Ulang Tahun Ke-10 Yayasan Khazanah, di sini, malam tadi.

Terdahulu, Perdana Menteri berdiri sambil bertepuk tangan sebaik Chong Wei menewaskan Lin Dan pada majlis berkenaan dengan acara ditangguhkan sebentar bagi membolehkan beliau dan tetamu menyaksikan perlawanan sengit itu menerusi skrin besar di dalam dewan majlis diadakan.

Chong Wei menang 15-21, 21-11, 22-20 dalam masa 79 minit.